

Mahathir yakin komponen BN akan elak perpecahan

UM 13 APR 1990

KUALA LUMPUR 12 April — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad percaya semua parti komponen Barisan Nasional (BN) akan mengelakkan perpecahan dalam parti masing - masing demi menjamin kemenangan dalam pilihanraya umum.

Apabila ditanya sama ada beliau telah menyampaikan pesanan kepada pemimpin - pemimpin BN supaya meng-

urangkan politiking menjelang pemilihan parti masing - masing tahun ini. Perdana Menteri berkata:

"Saya tahu semua parti komponen lebih mengutamakan kemenangan pilihanraya daripada kemenangan jawatan dalam parti."

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas perjumpaan dengan pemimpin - pemimpin BN di Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Tahun ini empat parti utama BN akan mengadakan pemilihan masing - masing iaitu UMNO, MCA, MIC dan Gerakan.

Pertarungan sengit dijangka berlaku dalam pemilihan MIC Ogos ini bagi jawatan timbalan presiden, naib - naib presiden dan ahli jawatankuasa kerja pusat berikutan pertarungan kontroversial antara Dato' Sri S. Samy Vellu dengan Dato' S. Subramaniam bagi jawatan presiden Oktober lalu.

UMNO pula dijangka memilih naib - naib presiden dan ahli Majlis Tertinggi sahaja setelah terdapat kompromi supaya dielakkan pertandingan bagi jawatan presiden dan timbalan presiden.

MCA turut mengadakan pemilihan yang sama termasuk di peringkat Pemuda dan Wanita sementara Gerakan dijanjikan mengadakan pemilihan Jun ini.